

Pentadbiran Baitulmal dipertikai

BH 21 MAR 2000

FUNGSI dan corak pentadbiran Baitulmal menerima teguran di Dewan Rakyat semalam kerana ada asetnya digunakan untuk kegunaan yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Datuk Ahmad Zahid Hamidi (BN-Bagan Datoh) berkata ada hartanah milik Baitulmal di beberapa buah negeri yang digunakan untuk aktiviti yang bercanggah dengan hukum Islam.

"Ada bangunan yang didirikan telah disewakan untuk kegunaan pusat hiburan yang bertentangan dengan Islam dan kita perlu memperbetul-

kan keadaan ini," katanya ketika membahaskan Belanjawan 2000 peringkat jawatankuasa.

Beliau berkata, Baitulmal perlu memaaikan semua kelemahan dipertingkatkan secepat mungkin dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) pula perlu membuat pemantauan lebih teliti mengenai perkara ini.

Zahid juga meminta kerajaan memantau tenaga kerja yang ada di Institut latihan Islam Malaysia dan Kompleks Darul Quran kerana ada sebilangan mereka yang didapati memihak kepada ideo-

logi politik tertentu.

Sementara itu, Mohamad Sabu (Pas-Kuala Kedah) meriuhkan Dewan Rakyat apabila mencadangkan supaya Perdana Menteri turut membawa pembangkang dalam lawatannya ke luar negara pada masa depan bagi memastikan tidak ada delegasi negara pergi ke pusat hiburan.

"Bawalah sama pembangkang, jika tak betul kita boleh hentam dalam Parlimen... kita boleh jadi pemerhati," katanya.

Dalam nada lebih serius, beliau berkata kehadiran sama wakil pembangkang

dalam delegasi Perdana Menteri ke luar negeri boleh membuktikan perpaduan wujud di negara ini. Mohamad Sabu turut mencadangkan Parlimen menambah se-kurang-kurangnya tiga lagi jawatankuasa peringkat Dewan Rakyat bagi menjadikan Senat lebih berfungsi.

Katanya, selain Jawatankuasa Pemilih dan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), Parlimen boleh membentuk Jawatankuasa Hal Ehwal Luar, Jawatankuasa Alam Sekitar dan Jawatankuasa Hak Asasi Manusia.